

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OGOS 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### NCIA tarik pelaburan bernilai RM17.25 bilion tahun ini

#### NCIA tarik pelaburan bernilai RM17.25 bilion tahun ini

**PUTRAJAYA** — Pihak Berkuastra Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah berjaya menarik pelaburan yang diluluskan sebanyak RM17.25 billion dalam tempoh Januari sehingga 31 Julai lalu yang akan menghasilkan 12,315 peluang pekerjaan baharu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob berkata, kesemuanya pelaburan itu disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), mekanikal dan elektrikal (M&E) serta Peranti Perubatan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

"Perkembangan positif ini termasuklah pelaburan asing oleh Baladna Food Industries dari Qatar sebanyak RM21 billion untuk membangunkan projek ladang tenusu bersepadu di Chuping, Perlis bagi menyokong agenda

sekuriti makanan negara.

"Ia sekaligus membuktikan keyakinan pelabur swasta terhadap ekonomi dan ekosistem pembangunan bakat di wilayah ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, bellaih reliah mempergerusikan Mesyuarat Anggota NCIA Kali Ke-29 yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad;

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man; Ketua Menteri Pulau Pinang, Cow Kon Yeow; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

Menurut Ismail Sabri, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan turut memastikan bekalan air, elektrik dan jaringan komunikasi tersedia dalam usaha untuk meyakinkan lebih

ramai pelabur ke kawasan NCER.

"NCIA bersama-sama kerajaan negeri memberi tumpuan untuk mengukuhkan lagi ekosistem bakat dan mewujudkan rantaian bekalan yang teguh bagi meningkatkan daya saing NCER dalam menangani sebarang jurang dalam ekosistem pasca-pandemik.

"Dalam menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam program sosioekonomi strategik, NCIA sedang merangka pelbagai usaha yang inklusif termasuk penubuhan tabung Dana Pembangunan Modal Insan NCER," ujar beliau.

Jelas Perdana Menteri, tabung tersebut adalah bagi merangsang penyertaan sektor swasta dalam program pembangunan modal insan mampam dan usahawan.



NCIA berjaya menarik pelaburan RM17.25 bilion sepanjang tahun ini bertumpu di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). — GAMBAR HIASAN